

SOALAN LAZIM

Pelan Perlindungan Alat Tablet Berita (Pelanggan Baru)

Perlindungan Produk

1. Apakah Pelan Perlindungan Alat Tablet Berita?

Ini adalah pelan insurans percuma untuk Tablet Berita yang ditawarkan kepada pelanggan yang telah mendaftar untuk langganan Tablet Berita yang layak. Pelan Perlindungan Alat Tablet Berita ini ditaja jamin oleh Great Eastern General Insurance Limited.

2. Apa perlindungan yang disediakan oleh Pelan Perlindungan Alat Tablet Berita?

Dua (2) pembaikan atau satu (1) penggantian Alat Tablet Berita anda disebabkan kehilangan atau kejadian yang tidak sengaja, tidak dijangka atau tidak diduga, sehingga batas jumlah yang diinsuranskan untuk Tablet anda.

Model Tablet Samsung	Memori	Jumlah Diinsuranskan
Tab A 10.1 / 10.4	32GB Wifi	S\$398
	32GB LTE	S\$498
S6 Lite	128GB Wifi	S\$598
	128GB LTE	S\$698

Sila rujuk kepada perkataan polisi untuk terma dan syarat yang penuh.

3. Berapa lamakan tempoh perlindungan yang disediakan?

Tempoh Pelan Perlindungan Alat Tablet Berita anda selaras dengan langganan Tablet Berita anda, iaitu selama 24 bulan atau 30 bulan. Sebagai contoh, jika anda telah mendaftar untuk langganan Tablet Berita selama 30 bulan, tempoh insurans anda adalah 30 bulan.

Kelayakan

1. Siapa yang layak untuk Pelan Perlindungan Alat Tablet Berita?

Semua Warganegara Singapura, penduduk tetap dan pekerja asing berusia di atas 18 tahun, yang tinggal di Singapura dan mempunyai permit atau pas kerja yang sah untuk sekurang-kurangnya 24 bulan dari tarikh penyerahan permohonan langganan seperti yang tertera di bawah.

Penerbitan	Layak mendapat perlindungan dengan langganan bermula dari
Tablet Berita The Business Times	15 September 2020
Tablet Berita The Straits Times	1 Disember 2020
Tablet Berita Cina	1 Disember 2020
Tablet Berita Harian	1 Disember 2020
Bundel Tablet Berita Tamil Murasu dan The Straits Times	1 Disember 2020

- 2. Adakah saya perlu membayar untuk perlindungan?**
Perlindungan untuk Tablet Berita anda yang diisu bersama dengan langganan berita SPH anda diberikan secara percuma. Tiada pembayaran diperlukan.
- 3. Bilakah perlindungan untuk Pelan Perlindungan Alat Tablet Berita akan dimulakan?**
Pelan Perlindungan Alat Tablet Berita anda bermula satu (1) hari selepas tarikh penebusan seperti yang tertera di resit penebusan.
- 4. Bolehkah saya teruskan perlindungan saya selepas tempoh perlindungan berakhir?**
Tidak, perlindungan akan tamat pada akhir tempoh perlindungan dan tidak layak untuk sebarang lanjutan.
- 5. Bagaimana saya tahu jika tablet saya diinsuranskan? Adakah saya akan menerima sebarang dokumen rasmi?**
Anda akan menerima e-mel dari SPH setelah langganan Tablet Berita anda berjaya, beserta dengan maklumat mengenai penebusan tablet anda dan pengesahan Pelan Perlindungan Alat Tablet Berita.
- 6. Adakah saya layak menuntut sekiranya tablet saya hilang, dicuri atau rosak secara tidak sengaja semasa saya berada di luar negara?**
Tidak, perlindungan ini terpakai di dalam Singapura sahaja.

Tuntutan

- 1. Berapa banyak tuntutan yang boleh saya serahkan?**
Setiap Tablet Berita yang diinsuranskan hanya layak untuk tuntutan bagi dua (2) pembaikan atau satu (1) penggantian dalam masa tempoh liputan perlindungan. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, sekiranya tuntutan pertama anda adalah untuk pembaikan, anda hanya layak mendapat pembaikan lain dan bukan penggantian.
Sekiranya kami telah membayar sebarang tuntutan sepanjang tempoh insurans, jumlah yang diinsuranskan (ditolak susut nilai) akan dikurangkan secara automatik dengan jumlah tuntutan untuk baki tempoh polisi.
- 2. Bagaimana saya mengemukakan tuntutan?**
Untuk tablet yang rosak, anda dikehendaki mengunjungi Pusat Perkhidmatan Samsung (seperti yang tertera di bawah) di Singapura untuk memperbaiki tablet yang rosak itu.

<p>PUSAT PERKHIDMATAN SAMSUNG @ Plaza Singapura 68 Orchard Road #B2-23, Singapore 2388393 Waktu Operasi: 11:00 pagi hingga 8:00 malam (Isnin - Sabtu) 11:00 pagi hingga 5:00 petang (Ahad dan Cuti Umum)</p>	<p>PUSAT PERKHIDMATAN SAMSUNG @ VivoCity 1 Harbourfront Walk #02-28/29, Singapore 0985852 Waktu Operasi: 11:00 pagi hingga 9:00 malam (Isnin - Ahad dan Cuti Umum)</p>
<p>PUSAT PERKHIDMATAN SAMSUNG @ Westgate 3 Gateway Drive #02-01, Singapore 6085324 Waktu Operasi: 11:00 pagi hingga 8:00 malam (Isnin - Sabtu) 11:00 pagi hingga 5:00 petang (Ahad dan Cuti Umum)</p>	<p>PUSAT PERKHIDMATAN SAMSUNG @ Causeway Point 1 Woodlands Square #01-01/02, Singapore 738099 Waktu Operasi: 11:00 pagi hingga 9:00 malam (Isnin - Ahad dan Cuti Umum)</p>

A) Untuk tablet yang rosak:

- Beritahu Great Eastern mengenai kerosakan dalam masa empat belas (14) hari melalui emel (wecare-sg@greateasternlife.com) atau hubungi Talian Perkhidmatan Pelanggan kami (1800 248 2888)
- Hubungi pusat perkhidmatan Samsung di Singapura untuk memperbaiki tablet yang rosak itu.
- Setelah dibaiki, pusat perkhidmatan Samsung akan memberikan lembaran pesanan perkhidmatan dengan maklumat dan kos pembaikan kepada anda. Anda perlu membayar untuk pembaikan itu terlebih dahulu.
- Hantarkan borang tuntutan bersama dengan lembaran pesanan perkhidmatan dan resit pembelian pengganti ke Great Eastern dalam masa tiga puluh (30) hari daripada kerosakan untuk menuntut pembayaran balik. Untuk penggantian tablet, nilai tablet pada masa kerosakan akan dikira dengan kaedah susut nilai garisan lurus sebanyak 20% setiap bulan. Jumlah yang diganti adalah 90% daripada nilai tablet pada masa tuntutan atau hingga jumlah yang diinsuranskan untuk tablet anda, mana yang lebih rendah. Baki 10% dibayar bersama oleh anda, yang ditakrifkan sebagai bayaran lebihan.

B) Untuk tablet yang rosak dan tidak dapat diperbaiki:

- Beritahu Great Eastern mengenai kerosakan dalam masa empat belas (14) hari melalui emel (wecare-sg@greateasternlife.com) atau hubungi Talian Perkhidmatan Pelanggan kami (1800 248 2888)
- Hubungi pusat perkhidmatan Samsung di Singapura untuk memperbaiki tablet yang rosak itu.
- Sekiranya tablet yang rosak itu tidak dapat diperbaiki, pusat perkhidmatan Samsung akan mengesahkannya dalam lembaran pesanan perkhidmatan.
- Hubungi SPH secara langsung untuk membeli tablet pengganti. Anda perlu membayar untuk pembelian itu terlebih dahulu.
- Hantarkan borang tuntutan bersama dengan lembaran pesanan perkhidmatan dan resit pembelian pengganti ke Great Eastern dalam masa tiga puluh (30) hari daripada kerosakan untuk menuntut pembayaran balik. Untuk penggantian tablet, nilai tablet pada masa kehilangan akan dikira dengan kaedah susut nilai garisan lurus sebanyak 20% setiap bulan. Jumlah yang diganti adalah 90% daripada nilai tablet pada masa tuntutan atau hingga jumlah yang diinsuranskan untuk tablet anda, mana yang lebih rendah. Baki 10% dibayar bersama oleh anda, yang ditakrifkan sebagai bayaran lebihan.

C) Untuk tablet yang hilang disebabkan kecurian kerana rompakan dan kemasukan secara paksa:

- Buat laporan polis mengenai kecurian dan dapatkan salinan laporan tersebut.
- Beritahu Great Eastern mengenai kerosakan dalam masa empat belas (14) hari melalui emel (wecare-sg@greateasternlife.com) atau hubungi Talian Perkhidmatan Pelanggan kami (1800 248 2888)
- Hubungi SPH secara langsung untuk membeli tablet pengganti. Anda perlu membayar untuk pembelian itu terlebih dahulu.
- Hantarkan borang tuntutan bersama dengan salinan laporan polis dan resit pembelian pengganti ke Great Eastern dalam masa tiga puluh (30) hari untuk menuntut pembayaran balik. Untuk penggantian tablet, nilai tablet pada masa kehilangan akan dikira dengan kaedah susut nilai garisan lurus sebanyak 20% setiap bulan. Jumlah yang diganti adalah 90% daripada nilai tablet pada masa tuntutan atau hingga jumlah yang diinsuranskan untuk

tablet anda, mana yang lebih rendah. Baki 10% dibayar bersama oleh anda sebagai bayaran lebihan.

Borang tuntutan boleh dimuat turun di sg.gelife.co/sphtabnew. Semua tuntutan hendaklah dihantar secara langsung ke Great Eastern di nonmotorclaims-sg@greateasterngeneral.com.

3. Bolehkah tablet saya diperbaiki atau diganti di tempat lain?

Tidak. Hanya pembaikan dan penggantian yang dilakukan di Pusat Perkhidmatan Samsung di Singapura akan layak untuk dibuat tuntutan.

Lain-lain

1. Sekiranya saya ingin mengetahui lebih lanjut, siapa yang boleh saya tanya?

Anda boleh menghubungi Great Eastern di +65 6248 2888 (9 pagi hingga 5.30 petang, Isnin hingga Jumaat) atau e-mel wecare-sg@greateasterngeneral.com

Sila kunjungi laman web kami di www.greateasterngeneral.com untuk mengetahui tentang penawaran produk kami dengan lebih lanjut.

Nota Penting

Ini adalah Soalan Lazim yang memberikan penerangan ringkas mengenai polisi dan ia tidak bertindak sebagai kontrak insurans. Sila rujuk dokumen polisi untuk terma dan syarat sebenar mengenai pelan insurans.

Soalan Lazim ini boleh didapati dalam Bahasa Inggeris, Cina, Melayu dan Tamil. Versi Bahasa Inggeris akan selalu diutamakan sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan terjemahannya yang lain.